



Mari berjalan bersama ke arah Tuhan

VATIKAN: Berucap kepada lebih 200,000 penziarah, para pemimpin dari seluruh dunia dan wakil-wakil denominasi Kristian, Sri Paus Leo XIV memulakan pelayanan sukacita kepausannya secara rasmi dengan Misa Kudus di Dataran Sto Petrus, Mei 18, 2025. Delegasi agama termasuk Yahudi, Islam, Hindu, Buddha, Sikh, Zoroastrian dan Jain, antara ramai yang hadir untuk perayaan tersebut.

Hati penuh dengan rasa syukur

Menyatakan rasa terima kasih yang mendalam atas sokongan doa dan kegembiraan yang diberikan kepadanya ketika memulakan pelayannya sebagai Sri Paus, Leo XIV mengimbas kembali kenangan emosi yang kuat yang dialaminya selama beberapa minggu lalu.

“Selepas kematian Sri Paus Fransiskus pada April 21, kita merasa seperti domba tanpa gembala namun setelah menerima berkat terakhirnya pada Hari Paskah dan dengan mata iman, harapan, dan sukacita, kita mengingati bagaimana Tuhan tidak pernah meninggalkan umat-Nya.”

Sri Paus Leo juga mengucapkan terima kasih kepada semua orang kerana menemani para Kardinal pada ketika itu yang sedang berdoa dalam sidang konklaf bagi memilih Pengganti Petrus.

Sri Paus Leo XIV mengenang kembali bahawa semasa sidang konklaf itu, para kardinal melihat bagaimana untuk meneruskan misi mengkhutbahkan Injil dan memerlukan seorang gembala yang mampu menangani cabaran hari ini. “Dengan kuasa Roh Kudus telah memungkinkan kami ke dalam keharmonian, seperti alat muzik apabila tali jantung kami bergetar dalam satu melodi.”

Bersatu dalam kasih dan perpaduan

“Saya seorang yang tanpa sebarang merit namun dipilih sebagai penerus Takhta Petrus. Dengan ketakutan dan gentar, saya datang kepada anda sebagai seorang saudara, yang ingin menjadi hamba kepada iman dan kegembiraan anda, berjalan bersama anda di jalan cinta Tuhan, kerana Dia mahu kita semua bersatu dalam satu keluarga,” kata Sri Paus Leo XIV.

Bapa Suci Leo XIV mengingatkan bagaimana kasih dan kesatuan adalah dua aspek misi yang diamanahkan oleh Yesus kepada Petrus.

Dalam Injil pada hari Minggu itu, Yesus mempercayakan kepada para murid untuk meneruskan misi, menjadi “penjaja manusia” dan membawa “harapan Injil” agar semua orang dapat merasakan pelukan Tuhan.

Pengalaman indah Petrus tentang “cinta Tuhan yang tidak terbatas dan tanpa syarat” telah menguatkan dan memungkinkannya menerima serta melaksanakan misi tersebut, jelas Sri Paus Leo.

Cinta yang mengorbankan diri

Bapa Suci Leo XIV menjelaskan bagaimana Petrus kemudian diamanahkan untuk “lebih mengasihi” dan “memberikan hidupnya untuk kawanan domba,” sebuah “cinta yang mengorbankan diri.”

“Pelayanan Petrus ditandai tepat oleh cinta pengorbanan ini, kerana Gereja Roma memimpin dalam kasih sayang dan kuasa sejatinya adalah kasih sayang Kristus.”

Pelayanan dalam Kristus bukan soal menangkap orang lain dengan kekerasan, dengan menyebarkan propaganda agama atau dengan cara menguasai sebaliknya, ia sentiasa mengenai mengasihi seperti yang dilakukan oleh Yesus.”

Gereja, tanda perpaduan dan persekutuan

Bapa Suci Leo menyatakan harapannya untuk “sebuah Gereja yang bersatu, tanda perpaduan dan persekutuan, menjadi terang

dan garam bagi dunia yang berdamai.”

Dalam menghadapi dunia yang mempunyai banyak perselisihan dan luka akibat kebencian, keganasan, prejudis, ketakutan dan realiti ekonomi “yang mengeksploitasi sumber-sumber bumi dan meminggirkan yang termiskin, marilah menjadi raga kecil perpaduan, persekutuan dan persaudaraan dalam dunia.”

“Mari berseru kepada dunia, dengan kerendahan hati dan kegembiraan, “Lihatlah kepada Kristus! Datanglah lebih dekat kepada-Nya! Sambutlah kata-kata-Nya yang menerangi dan menghiburkan! Terimalah tawaran kasih-Nya dan jadilah ahli keluarga-Nya: dalam satu Kristus, kita adalah satu,” kata Sri Paus Leo XIV.

“Inilah jalan yang harus kita ikuti bersama, bukan hanya di antara kita tetapi juga dengan Gereja-gereja Kristian lain serta bersama dengan mereka yang mengikuti jalan agama lain, dengan mereka yang mencari Tuhan, dengan semua wanita dan lelaki yang mempunyai niat baik, untuk membina dunia baharu di mana keamanan berkuasa!”

Sri Paus menegaskan semangat misi, menambah bahawa pendekatan sedemikian akan menghalang Gereja daripada menutup diri dalam kumpulan kecil atau mengambil perasaan superioriti terhadap dunia.

“Kita dipanggil untuk menawarkan kasih Tuhan kepada semua orang, untuk mencapai perpaduan yang tidak menghapuskan perbezaan tetapi menghargai sejarah peribadi setiap individu dan budaya sosial serta agama setiap bangsa,” katanya.

“Saudara-saudari, inilah saat untuk cinta! Inti Injil adalah kasih Tuhan yang menjadikan kita bersaudara.”

Kesimpulannya, Sri Paus Leo XIV mengajak semua penganut Kristian untuk diterangi oleh Roh Kudus, agar kita dapat membina sebuah Gereja “yang berasaskan kasih Tuhan, tanda perpaduan, Gereja misi yang membuka tangannya kepada dunia, mengisytiharkan firman, membiarkan dirinya dijadikan ‘gelisah’ oleh sejarah, dan menjadi raga keharmonian bagi umat manusia.” **Media Vatikan**

Penyaliban emosi

Terdapat satu babak yang menyentuh hati dalam siri *The Chosen* yang walau apa pun reaksi kita, ia menuntut renungan.

Inilah adegan itu: Sebelum menyembuhkan ibu mertua Petrus daripada demam, Yesus telah berbual dengan isteri Petrus.

Yesus mengatakan bahawa Dia tahu betapa akrabnya hubungan Petrus dan isterinya serta menyatakan simpati kepada isteri Petrus kerana, akibat panggilan-Nya, Petrus telah 'keluar' dari rumah merka.

Kemudian dengan nada lembut, Dia bertanya kepada isteri Petrus, bagaimana perasaannya tentang hal ini.

Jawapan isteri Petrus, tenang dan yakin bahawa walaupun ada kesakitan, dia (dan Petrus) dengan rela membuat pengorbanan itu.

Ini menjelaskan bahawa apabila seorang individu (seperti Petrus) meninggalkan segala-galanya demi untuk mengikut Kristus, dia tidak menanggung kos itu seorang diri.

Mereka yang dekat dengannya juga menanggung risiko dan membuat pengorbanan. Apakah yang terpaksa dibayar oleh isteri-isteri para rasul apabila Yesus memanggil suami mereka?

Insiden ini (walaupun dinyatakan secara fiksi di sini) memberikan sedikit pencerahan tentang bagaimana Yesus tidak acuh tak acuh terhadap bebanan emosi yang kerap kita alami kerana menyahut panggilan-Nya.

Adegan ini memberi kita inspirasi bahawa Yesus memahami dan memberi kita izin Ilahi untuk tidak merasa bersalah tentang kesakitan yang kita rasakan.

Sudah tentu, ramai yang tercabar akan babak dari *The Chosen* ini. Meskipun adegan itu bukan sejarah. Kita tidak pasti (setakat yang kita tahu) adakah Yesus pernah mempunyai perbualan seperti ini dengan isteri Petrus atau isteri mana-mana rasulnya?

Namun, sama ada adegan ini ada dalam sejarah atau tidak, intinya adalah Yesus tidak akan bersikap kejam atau acuh tak acuh terhadap kesakitan para isteri dan orang lain yang ditinggalkan oleh para rasul

untuk mengikutnya.

Kebanyakan kita mengelak untuk lebih meneliti soalan ini kerana kita cenderung untuk mengambil bulat-bulat beberapa ucapan Yesus tentang meninggalkan bapa, ibu, isteri, dan anak-anak untuk mengikut-Nya.

Sebagai contoh, pada satu ketika Yesus berkata: "Jika kamu datang kepadaku tetapi tidak akan meninggalkan keluargamu, kamu tidak boleh menjadi pengikutku." Kamu mesti mengasihi aku lebih daripada ayah, ibu, isteri, anak-anak, saudara lelaki dan saudara perempuanmu—bahkan lebih daripada hidupmu sendiri!" (Lukas 14:25-27).

Mungkin kita sangat terkesan dengan petikan Injil ini: "Dia berkata kepada seorang lagi, 'Ikutlah Aku.' Lelaki itu menjawab, 'Tuan, izinkan saya pergi menguburkan ayah saya dahulu.' Tetapi Yesus berkata kepadanya, 'Biarkan orang mati menguburkan orang mati mereka sendiri. Kamu, bagaimanapun, pergi dan khabarkan kerajaan Tuhan.'

Kemudian ada yang masih merayu, 'Saya akan mengikut-Mu, Tuhan; tetapi pertamanya izinkan saya mengucapkan selamat tinggal kepada keluarga saya.'

Yesus berkata kepadanya, "Tiada seorang pun yang mula membajak dan asyik menoleh ke belakang layak bagi kerajaan Tuhan." (Lukas 9, 60-62).

Petikan ini mudah untuk kita salah faham apa yang sebenarnya mahu dikatakan oleh Yesus.

Pernyataan Yesus di sini agar tidak menoleh ke belakang jika mahu mengikut Dia mendorong kita menggambarkan Yesus sebagai seorang yang dingin dan secara kejam.

Tetapi ini adalah gambaran kita dan menyebabkan kita tidak dapat mengenal atau memahami nasihat rohani yang dibawa oleh petikan Injil tersebut.

Kita akan menghadapi emosi sukar dan menyakitkan demi kesetiaan kepada Injil. Kesakitan itu lebih tepat dinamakan sebagai penyaliban emosi.



Yesus sangat peduli dengan emosi serta hati kita. Dia prihatin bagaimana kita akan menyahut panggilan-Nya

Dalam memilih Yesus, kita juga memilih salib dan terdapat kematian sebenar. Kesakitan yang terlibat di sini tidak dapat dilembutkan atau dijelaskan.

Namun, ini penting untuk difahami, pilihan yang kita buat untuk menafikan diri kita dan menyerahkan diri kita dalam pengorbanan diri yang tulus, tidak harus dibuat berdasarkan tahap psikologi atau emosi.

Pilihan untuk mengikut Yesus atau meninggalkan segala-galanya untuk menjadi murid-Nya perlu dibuat pada tahap yang lebih mendalam dan pada tahap moral iaitu sesuatu yang lebih mendalam.

Mengikuti Yesus bukan berdasarkan emosi dan perasaan kita yang menguasai tetapi memahami bahawa ada kebahagiaan dalam mengikut Yesus dan kebahagiaan itu adalah sangat manis, sangat mendalam sehingga dapat mengatasi kesedihan dan kesakitan emosi.

Oleh sebab itu, apabila Yesus berkata, *jika kamu datang kepada-Ku tetapi tidak akan meninggalkan keluargamu, kamu tidak boleh menjadi pengikut-Ku—dalam hal ini Yesus sedang menyentuh pusat moral terdalam kita, tempat di dalam diri kita di mana kita akhirnya memilih antara yang benar dan yang salah serta makna daripada kekosongan.*

Dia tidak mempersoalkan emosi kita. Dia tidak mencabar atau memaksa kita sendiri untuk mengendalikan emosi yang tidak

sihat.

Ketika kita melepaskan segala-galanya dan mengikut Dia, ia mempunyai risiko dan cabarannya. Dan Yesus tidak mengabaikan kesakitan emosi dan psikologi yang timbul.

Apabila Dia mengajak kita untuk memikul salib-Nya dan mengikut-Nya, Dia memahami bahawa ini akan menjadi penyaliban emosi.

Tetapi, dengan menawarkan cabaran itu kepada kita, pada masa yang sama, Dia memberi kita izin untuk merasai tanpa rasa bersalah kesakitan afektif dari pilihan itu terhadap emosi kita.

Yesus bukan sengaja mencabar emosi dan meninggalkan kita selepas orang yang disayangi menyahut panggilan-Nya.

Begitu juga, apabila kita menyahut panggilan-Nya dan tahu kita akan meninggalkan segala-galanya, Dia memberi kita peluang untuk merasai kesakitan kehilangan hubungan berharga dan kebebasan.

Seperti Yesus dalam *The Chosen*, yang dengan penuh belas kasihan Dia bertanya tentang emosi dan perasaan isteri Petrus, Yesus menawarkan setiap daripada kita cabaran untuk menyangkal diri dan pada masa yang sama, Dia sangat peduli dengan emosi serta hati kita serta Dia prihatin bagaimana kita akan menyahut panggilan-Nya. **Hakcipta Terpelihara 1999-2025 @ Fr Ron Rolheiser**

Di mana ada kasih di situ ada kesatuan

Injil Yohanes Bab 17 seluruhnya berisi Idoa Yesus bagi murid-murid-Nya. Yesus berdoa seperti berikut: "Aku berdoa...supaya mereka semua menjadi satu, sama seperti Engkau, ya Bapa, di dalam Aku dan Aku di dalam Engkau" (ay.20-21). Dalam doa Yesus ini kita dapat membuat kesimpulan bahawa salah satu ciri hakiki Gereja ialah kesatuan.

Itulah yang juga ditegaskan oleh Sri Paus Paulus VI: "Kita percaya bahawa Gereja yang didirikan oleh Yesus dan yang didoakan oleh-Nya secara utuh adalah satu dalam iman, dalam ibadat dan dalam ikatan persekutuan hirarkis"(Credo 21).

Kesatuan Gereja yang didoakan Yesus bersumber pada kesatuan erat dan mesra dalam Tritunggal Kudus: kesatuan satu sama lain tiga Peribadi Ilahi, iaitu Bapa, Putera dan Roh Kudus.

Kesatuan Tritunggal itu adalah kesatuan kasih yang tak kunjung henti, di mana ketiga-tiga Peribadi saling memberikan dirinya. Dengan demikian kesatuan inilah yang didoakan oleh Yesus sebagai gambaran kesatuan bagi murid-murid-Nya sebagai kesatuan Gereja.

Murid-murid Yesus itu adalah Gereja,

yang didirikan Kristus pada Pentakosta. Kesatuan Gereja harus mencerminkan kesatuan Tritunggal yang mahakudus, sekaligus kesatuan Kristus dengan murid-murid-Nya sebagai Gereja.

Dalam Injil Yohanes kesatuan yang didoakan oleh Yesus bagi murid-murid-Nya adalah kesatuan dalam kasih.

Yohanes penulis Injil ini adalah juga penulis dua suratnya. Dan dalam surat pertamanya ia menulis: "*Saudara-saudaraku yang kekasih, marilah kita saling mengasihi, sebab kasih itu berasal daripada Tuhan; dan setiap orang yang mengasihi, lahir dari Tuhan dan mengenal Tuhan. Sesiapa tidak mengasihi, sebab Tuhan adalah kasih*".

Ternyata kriteria untuk mengenal apa lagi mengasihi Tuhan adalah kasih. Tidak mengenal kasih bererti tidak mengenal Tuhan.

Maka tidak mengenal Tuhan bererti juga tidak mengenal Gereja-Nya, yang terdiri dari murid-murid-Nya, dari umat beriman yang percaya kepada-Nya.

Dan untuk menjadi murid-Nya dan bersama-sama menjadi Gereja-Nya segenap umat-Nya harus bersatu. Dan untuk dapat sungguh bersatu seperti didoakan oleh Yesus, semua orang yang ingin menjadi

warga Gereja-Nya harus mahu dan sungguh-sungguh bersatu dalam kasih!

Keanggotaan sebagai warga Gereja yang sesungguhnya, seperti dikehendaki dan didoakan oleh Yesus, bukanlah catatan rasmi/formal sebagai orang telah dibaptis, menjadi warga paroki/Gereja dan sebagainya, melainkan dengan kesedaran diri sebagai anggota suatu persekutuan, di mana anggota-anggota itu berhubungan erat satu sama lain dengan ikatan kesatuan dalam kasih.

Bukan faktor rasmi atau formal, atau menurut ketentuan kanonik/hukum Gereja, yang memang dibutuhkan untuk mengatur kesatuan Gereja, melainkan sikap batin atau hati peribadi – itulah yang diperlukan murid-murid sejati Yesus.

Itulah yang didoakan oleh Yesus bagi murid-murid-Nya. Sebab apapun yang dilakukan manusia yang kelihatan, lahiriah, rasmi, formal, akan dilihat dan dinilai Tuhan sesuai dengan keadaan dan sikap batin/hatinya, iaitu kasih orang yang melakukannya.

Demikianlah kesatuan sejati yang dikehendaki dan didoakan oleh Yesus dalam keluarga, komuniti, paroki, Gereja, bukan pertama-tama ditentukan oleh segalanya

**HARI MINGGU
PASKAH 7
(TAHUN C)**

KISAH PARA RASUL 7:55-60

WAHYU 22:12-14;

16-17, 20

INJIL YOHANES 17:20-26

yang kelihatan, melainkan oleh apa yang terpenting dalam hidup peribadi setiap orang, iaitu kasih. Dalam setiap perkumpulan yang mengamalkan kasih, di situ ada kesatuan.

Yesus mendoakan murid-murid-Nya supaya bersatu. Oleh sebab itu di dalam masyarakat, di mana Gereja berada dan berkarya sebagai persekutuan warga-warganya, harus sungguh-sungguh bersatu dalam kasih.

Sebab keberadaan dan karya Gereja akan dilihat dan dinilai oleh masyarakat menurut adanya kesatuan kasih dalam kehidupan dan karya bersama warga-warganya. Tetapi kesatuan itu tidak akan terbentuk apabila tidak dibentuk dengan kasih kristiani sejati. **Msgr FX. Hadisumarta O.Carm**

Kuasa rahmat Tuhan dalam perkahwinan

KENINGAU: Perkahwinan adalah Sakramen suci, tempat Tuhan hadir melalui suami, isteri dan anak-anak.

Pada Mei 16-18 lalu, Majlis Pastoral Paroki (MPP) Katedral St Francis Xavier (KSFX) buat pertama kalinya menganjurkan Retret Pasangan Suami Isteri bertema "The Power of Marital Grace", di Rumah Retret Keuskupan Keningau (RRKK), Tatal.

Program ini menghimpunkan 29 pasangan suami isteri dari pelbagai paroki di seluruh Sabah demi memperbaharui dan meneguhkan ikatan kasih serta iman dalam perkahwinan Katolik.

Retret ini dipimpin oleh pasukan penceramah dari Pelayanan Hidup Keluarga Keuskupan Agung Pontianak, Indonesia, iaitu pasangan Bro Herianus dan isteri serta Bro Tanto dan isterinya.

Mereka memperdalam pemahaman peserta mengenai Sakramen Perkahwinan serta kuasa rahmat Tuhan dalam kehidupan berkeluarga.

Selama tiga hari, para peserta



diperkaya dengan pelbagai sesi rohani antaranya: *The Power of Grace*, *The Grace of Marriage*; *Membersihkan dan Memperbaiki Jala*; *Duc in Altum*; Keluarga yang Diberkati; *I Am a Sinful Man, Oh Lord* dan *Cinta Segitiga*.

Sesi Komitmen dan Penghormatan Salib merupakan kemuncak program apabila di mana para pasangan memperbaharui janji perkahwinan mereka di hadapan Salib Kristus.

Dalam suasana penuh keinsa-

fan, mereka menerima kad janji perkahwinan yang telah diberkati oleh Romo Atus dari Ambon semasa Misa Kudus penutup.

Momen ini menjadi lambang kasih yang diperbaharui dalam sakramen suci perkahwinan. Retret ini meninggalkan kesan mendalam kepada para peserta.

Sdri Nancy Nelly Joneh, Pengerusi MPP KSFX dan juga Pengerusi Penganjur, berkongsi bahawa ilham untuk menganjurkan program ini timbul selepas

beliau sendiri mengalami pelayanan pemulihan keluarga di Indonesia.

Walaupun penganjur berdepan cabaran kewangan, Sdri Nancy sukacita melihat keluarga dipulihkan dan keakraban kembali melalui seminar itu.

Beliau turut menyuarakan harapan agar retret seperti ini dapat dianjurkan secara percuma pada masa akan datang.

Romo Atus dari Keuskupan Ambon yang berada sebulan

di Keuskupan Keningau untuk membantu dalam pelayanan Sakramen-sakramen, memimpin Misa penutup bagi retret tersebut.

Dalam homilinya, paderi mengangkat Keluarga Kudus Nazareth sebagai teladan keluarga Kristian: Santo Yosef sebagai suami yang melindungi keluarga, pendengar dan sabar; Maria sebagai isteri yang penuh kasih, lemah lembut dan taat.

"Kadang-kadang setelah lama berkahwin, kita mudah lupa tujuan asal perkahwinan iaitu untuk kebahagiaan. Namun Tuhan tidak pernah salah dalam menetapkan pasangan hidup."

Beliau memetik kata-kata meniding Sri Paus Fransiskus: "Kita saling memarahi, saling mengecewakan. Tetapi pada akhirnya, keluarga adalah keluarga. Cinta tetap ada."

Paderi itu mengakhiri homilinya dengan seruan dari Santa Theresia dari Kanak-kanak Yesus, "Jangan biarkan seorang pun yang datang kepadamu pergi tanpa merasa lebih bahagia." **Will Fred**

Menghidupi kebudayaan menurut ajaran Gereja

KOTA KINABALU: Umat paroki Katedral *Sacred Heart* (SHC) khususnya yang berbangsa Kadazan, Dusun dan Murut, berterima kasih kepada paderi paroki SHC, Fr Paul Lo yang menganjurkan Pesta Kaamatan di Katedral Hati Kudus pada Mei 4 lalu.

Dengan tema, "Berjalan bersama dalam pengharapan, menghidupi kebudayaan sebagai satu keluarga menurut ajaran Gereja", pesta Kaamatan di Katedral Hati Kudus meriah dengan keunikan budaya dan semangat kekeluargaan.

Pesta Kaamatan dimulakan dengan perayaan Ekaristi yang dipimpin oleh Fr Paul Lo, dibantu oleh Fr Terans Thadeus dan seorang pa-

deri pelawat.

Dalam ucapannya, Fr Paul menyatakan bahawa sempena Tahun Jubli Harapan, "Saya mengajak anda agar kebudayaan yang telah kita miliki sebagai kaum Kadazan Dusun dan Murut untuk diwarisi kepada generasi muda, agar kebudayaan kita yang baik misalnya budaya bersyukur, budaya hormat menghormati, dapat diteruskan serta memberi harapan kepada kita bahawa ada pelapis yang akan meneruskan kebudayaan kita serta mengamalkannya dalam keluarga."

Selepas Misa, acara diteruskan di Dewan Paroki Katedral *Sacred Heart* dengan pelbagai acara pentas kebudayaan dan hidangan makanan tradisional. **Christ Paul**



Adat resam ialah kurniaan Tuhan yang harus dipelihara

TUARAN: Sebuah Gereja di bawah jagaan paroki St John, Gereja St Philip menjadi tuan rumah perayaan Kaamatan Peringkat Zon Tamparuli pada Mei 18.

Ia dimulakan dengan perayaan Ekaristi oleh Fr Wiandigool Run-sab.

Fr Wiandigool mengatakan nilai budaya atau adat resam ialah kurniaan Tuhan yang harus

dipelihara untuk generasi masa hadapan.

Turut hadir dalam perayaan ini Pengerusi Majlis Pastoral Paroki Tuaran Prof. Madya Dr Bonaventure Boniface, ADUN N14 Tamparuli, YB Datuk Jahid Jahim dan Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau merangkap Ahli Parlimen Tuaran. **Maureen Maria Philip**

Pesta KAGAPE OLL Klang perkasa kesatuan umat

KLANG: "Menjalin Ikatan Dalam Komuniti Melalui Kebudayaan", demikianlah tema Pesta Kaamatan, Gawai dan Panen (KAGAPE) pada Mei 11 lalu di Gereja *Our Lady of Lourdes* (OLL), Klang.

Pesta yang mendapat sambutan baik dari umat yang berasal dari Sabah, Sarawak dan Indonesia itu memupuk semangat perpaduan dalam kalangan umat-Nya yang terdiri daripada pelbagai kaum dan etnik.

Seminggu sebelum pesta tersebut, semua umat telah bertungkus-lumus membuat pelbagai persediaan.

Uskup Agung Julian Leow turut hadir bagi merasmikan pesta KAGAPE.

Misa Kudus Bahasa Melayu berlangsung pada pukul 12.30 tengah hari yang dipimpin oleh



Fr Lawrence Andrew SJ.

Turut membantu beliau di altar ialah Uskup Agung Julian Leow, paderi paroki OLL iaitu Fr Gregory, Fr. Selva dan para paderi pelawat dari Nigeria iaitu Fr Simon Agbo, Fr Michael Adawai dan Fr Vincent.

Pesta KAGAPE ini diserikan dengan umat yang hadir dengan berbusana tradisional mengikut kaum masing-masing.

Selepas Misa semua umat dijemput untuk makan tengah hari bersama sambil menikmati


persembahan pentas yang menghiburkan.

Pesta KAGAPE ini menutup tirainya dengan tarian terkenal dari Indonesia iaitu 'poco-poco'.

Pesta KAGAPE sangat baik untuk diteruskan kerana ia adalah sebagai cara masyarakat untuk menghargai hasil tuaian. Di samping itu, pesta sebegini mampu mengekalkan adat, tarian tradisional, pakaian, dan muzik etnik yang diwarisi turun temurun. **Roslind Nagie Anak Enteba**

Sahabat kecil Yesus

Cari SEPULUH perbezaan pada gambar di bawah:



Hello adik-adik,

Dalam pembacaan pertama pada hari Minggu ini, kita mendengar tentang Stefanus.

Alkitab menyatakan bahawa Stefanus "... seorang yang penuh iman dan Roh Kudus," (Kisah Para Rasul 6:5). Hal ini dibuktikan dengan keberaniannya menghadapi tentangan hingga meninggal sebagai martir yang pertama.


Apa yang menarik dari kisah ini adalah ketika Stefanus di ambang kematian ia berdoa kepada Tuhan untuk orang-orang yang menganiaya dia.

Adik-adik, antie berharap kisah Stefanus yang terbunuh kerana dianiaya, tidak lagi berlaku pada hari ini. Kematian Stefanus sangat tragis dan menyedihkan.

Namun apa yang dapat kita teladani daripada kisah Stefanus ialah iman dan sikap mengampuninya.

Adik-adik, mampukah kita menjadi seperti Stefanus? Kita berdoa kepada Tuhan ... Amin.

Salam Sayang
Antie Melly



Lukisan di bawah tidak lengkap. Ada kanak-kanak yang 'kehilangan' mata, hidung dan mulut. Lengkapkan dan jangan lupa mewarnakannya.



Ya Tuhan Yesus, terimalah doa ku
(Kisah Para Rasul 7:59)

BELIA

Belia Katolik Ghana perbaharui komitmen dalam keadilan alam sekitar

ACCRA, Ghana: Dalam meraikan ulang tahun ke-10 *Laudato Si'*, Rangkaian Belia Katolik untuk Kelestarian Alam Sekitar di Afrika (CYNESA) menganjurkan Perhimpunan Belia *Laudato Si'* Ketiga, di Accra, Ghana, dari Mei 30 hingga Jun 1, 2025.

Bertemakan "Satu Dekad *Laudato Si'*: Perjalanan Bersama dalam Harapan untuk Rumah kita Bersama," perhimpunan itu menghimpunkan belia dari seluruh Afrika untuk merenung, membuat tindakan dan memperbaharui komitmen mereka terhadap keadilan alam sekitar dan pertobatan ekologi.

Kempen Hijau

Acara tersebut bertepatan dengan Tahun Jubli Harapan dan ulang tahun peringatan dua ensiklik terkenal mendiang Sri Paus Fransiskus dan Perjanjian Paris—titik perubahan global dalam perjuangan menentang perubahan iklim.

Lebih 100 peserta belia dari pelbagai agama terlibat dalam dialog, penjelasan undang-undang berkaitan alam dan program berorientasikan tindakan yang bertujuan menangani cabaran alam sekitar dan sosial pada masa kita.

Francisca Dommetieru Ziniel, Penyelaras Wilayah Afrika Barat CYNESA, "Ghana telah berada di barisan hadapan dalam advokasi alam sekitar, terutamanya melalui kempen yang dipimpin oleh belia menentang perlombongan haram atau dikenali sebagai *Galamsey*, dan melalui kempen *Green Lent* tahunan yang mempromosikan kehidupan lestari," katanya.

"Perhimpunan ini telah menawarkan peluang untuk memperkuat usaha-usaha tersebut dan meletakkan golongan muda sebagai pemimpin dalam perjuangan untuk keadilan ekologi," tambahnya.

Perarakan Bersama Dalam Harapan



Program selama tiga hari itu merangkumi sesi reflektif mengenai krisis iklim menggunakan kaedah Lihat-Meneliti-Bertindak, perbincangan panel mengenai kesan Perjanjian Paris dan perarakan anti-*Galamsey* bertema "Berkembara Bersama dalam Harapan."

Perhimpunan itu diakhiri dengan penyusunan deklarasi Iman Belia mengenai keadaan tindakan alam sekitar sedekad

selepas *Laudato Si'* dan Perjanjian Paris.

Sejak diterbitkan pada tahun 2015, *Laudato Si'* telah menjadi dokumen asas bagi misi CYNESA, menginspirasi pembentukan, advokasi dan tindakan tempatan.

Dengan Perhimpunan di Accra, rangkaian ini membina jaringan melibatkan ratusan belia dalam pendidikan ekologi dan mobilisasi komuniti. **Media Vatikan**

Sri Paus Leo XIV ajak mahasiswa basmi budaya acuh tak acuh

VATIKAN: Sri Paus Leo XIV pada hari Khamis meluahkan rasa kesal pada Mei 15 lalu bahawa generasi muda hari ini harus berani menentang "relativisme," "ketidakstabilan emosi," dan "sikap acuh tak acuh."

Pesan itu disuarakan oleh Bapa Suci Leo semasa bertemu dengan pelajar sekolah yang diasaskan oleh St John Baptist de La Salle.

Prelatus itu mengingatkan para pelajar tentang pentingnya mengalami pengalaman "pelayanan dan misi" untuk membantu golongan muda agar turut berkongsi bakat serta usaha demi memberikan yang terbaik menurut rancangan Tuhan.

Bapa Suci Leo turut menyenaraikan halangan-halangan yang dihadapi oleh generasi muda misalnya, "Pengasingan yang disebabkan oleh sikap acuh tak acuh, individualisme dan ketidakstabilan emosi; penyebaran pola pemikiran yang lemah akibat relativisme; dan irama dan gaya hidup di mana tidak cukup ruang untuk mendengar, merenung dan berdialog, di sekolah, dalam keluarga dan kadangkala dalam kalangan rakan sebaya sendiri, menyebabkan ramai belia lebih suka bersendirian, tidak mahu bergaul dan bersikap individualistik."

Katanya, cabaran-cabaran yang "menun-



tut" ini, harus menjadi "papan loncatan" untuk "membangunkan sarana serta mengadopsi bahasa baharu untuk terus menyentuh hati para pelajar, membantu dan mendorong mereka untuk menghadapi setiap halangan dengan keberanian agar dapat memberikan yang terbaik daripada diri mereka dalam hidup, menurut rancan-

gan Tuhan."

"Golongan muda zaman kita, seperti golongan muda pada setiap zaman, adalah 'gunung berapi' kehidupan, tenaga, perasaan dan idea."

Ini dapat dilihat daripada perkara-perkara hebat yang mereka mampu lakukan, dalam pelbagai bidang.

Namun, mereka juga memerlukan bantuan agar kekayaan besar ini dapat berkembang dengan harmoni.


Para mahasiswa juga harus berwaspada dengan sikap individualistik kerana ia boleh menghalang perkembangan sihat rohani dan fizikal mereka.

Sri Paus pertama berasal dari Amerika Syarikat itu memuji kehadiran para pelajar itu yang katanya, akan membawa "kesegaran entiti pendidikan yang kaya dan luas."

Bapa Suci turut menyelitkan kisah Sto John Baptist de La Salle, yang menjawab rayuan seorang awam, Adrian Nyel kerana bergelut untuk meneruskan persekolahannya akibat kemiskinan.

Setelah membantu Andren, St John Baptist de La Salle melihat tindakan itu sebagai tanda Tuhan dan membawa kepada kehidupan satu sistem pengajaran baharu: iaitu Sekolah-sekolah Kristian, percuma dan terbuka kepada semua serta sangat membantu golongan miskin.

"Seperti Sto John Baptist de La Salle, beranilah menentang budaya relativisme dan sikap acuh tak acuh, menghulurkan tangan dan tenaga yang dikurniakan oleh Tuhan demi membina dunia yang lebih baik kerana anda, kaum muda ialah volkano kehidupan, tenaga, bijak dan segar." **CNA**



Kardinal doa pertikaian India, Pakistan segera selesai

Anggota Rangers Pakistan dan Angkatan Keamanan Sempadan India semasa upacara penarikan balik di sempadan Attari-Wagah antara Pakistan dan India Mei 20, 2025. (LiCAS News).

KARACHI: Ketika ketegangan berterusan antara India dan Pakistan, Kardinal Joseph Coutts menyeru kedua-dua negara untuk menemui semula sejarah bersama mereka dan memupuk budaya keamanan yang berakar pada sikap saling menghormati dan berdialog.

"Pada masa ketegangan ini, kita hanya boleh menyeru untuk berdoa bagi keamanan antara India dan Pakistan," kata Kardinal Coutts, Uskup Agung Emeritus Karachi, dalam sebuah wawancara dengan Agensi Berita Fides.

"Kita mesti menemui semula akar kita: kita adalah bersaudara kerana kita adalah anak-anak kepada satu Ibu, seperti yang selalu dikatakan oleh Mahatma Gandhi," tambah prelatus itu.

"Kita sebagai warganegara dan sebagai komuniti agama di India dan Pakistan boleh dan akan mempromosikan budaya keamanan untuk meredakan kebencian, melucutkan senjata dan mendidik orang ramai untuk memaafkan," tegasnya.

Merengung bagaimana konflik itu tercetus, Kardinal Coutts mengaitkannya dengan pembahagian Empayar British pada tahun 1947.

Beliau menyatakan bahawa walaupun premis umum adalah untuk orang Islam menyertai Pakistan dan orang Hindu menyertai India, Kashmir merupakan pengecualian.

Walaupun majoriti penduduk di rantau itu adalah Islam, pemerintah Hindu ketika itu memilih untuk menyertai India—tindakan yang bertentangan dengan kehendak rakyat dan mencetuskan pertikaian yang berterusan.

Kardinal Coutts merungut bahawa visi perpaduan Gandhi telah banyak dilupakan dan mendesak orang ramai untuk "kembali kepada kata-kata Mahatma Gandhi, yang berkata: Selama dua ribu tahun kita telah hidup bersama sebagai satu bangsa, kita semua adalah anak-anak satu ibu, iaitu India."

"Tetapi hari ini Gandhi dilupakan dan tidak diajar di sekolah-sekolah," tambahnya.

Kardinal Coutts mengambil moto episkopalnya, "Keselarasan," menyatakan harapannya agar hubungan dalam India-Pakistan, melalui dialog antara agama dan saling menghormati, dapat memupuk perdamaian dan membina jambatan antara komuniti. LiCAS News



Tuhan berikan kita firman-Nya berulang kali, tanpa batas

ROMA: Semasa Audiens Umum pertama beliau sebagai Sri Paus, Bapa Suci Leo XIV meneruskan siri Tahun Jubli Sri Paus Fransiskus dengan tema "Yesus Kristus, Harapan Kita."

Sri Paus Leo meneruskan refleksi pendahulunya mengenai perumpamaan Yesus, yang "membantu kita untuk menemukan kembali harapan, kerana Dia menunjukkan kepada kita bagaimana Tuhan bertindak dalam sejarah."

Perumpamaan yang unik

Bapa Suci Leo menumpukan perhatian pada perumpamaan penabur — "sebuah perumpamaan yang agak unik, kerana ia berfungsi sebagai sejenis pengenalan kepada semua yang lain." Beliau menunjukkan bagaimana cerita ini mendedahkan cara Yesus berkomunikasi serta memberi kita panduan tentang cara untuk mewartakan Injil hari ini.

Walaupun perumpamaan diambil daripada kehidupan seharian, tujuannya adalah untuk menyampaikan sesuatu yang lebih mendalam.

Perumpamaan ini "menimbulkan persoalan dalam diri kita dan

mengajak kita untuk tidak berhenti pada penampilan."

Dua persoalan itu ialah, "Di manakah saya dalam cerita ini? Apakah yang perumpamaan ini mahu katakan tentang hidup saya?"

Kuasa Tuhan dan kesannya terhadap kita

Dalam perumpamaan penabur ini, Sri Paus Leo XIV menjelaskan bahawa kita dapat melihat kuasa Tuhan dan kesannya terhadap kita.

"Setiap perkataan Injil adalah seperti benih yang ditanam di dalam tanah kehidupan kita," katanya, menekankan bahawa tanah itu bukan sahaja hati kita, "tetapi juga dunia, komuniti, Gereja." Tiada aspek kehidupan yang tidak tersentuh oleh Injil.

Orang dari pelbagai lapisan masyarakat dan latar belakang datang untuk mendengar Yesus ketika Dia menceritakan perumpamaan ini. Ini menunjukkan kepada kita bahawa "kata-kata Yesus adalah untuk semua orang, tetapi ia berfungsi dengan cara yang berbeza dalam setiap orang," jelas Sri Paus Leo.

"Setiap daripada kita boleh

mengambil sesuatu daripada perumpamaan itu tidak kira keadaan kita dalam hidup," tambahnya.

Yesus adalah Benih Dalam perumpamaan itu, di mana biji-bijian jatuh nampaknya tidak menjadi keprihatinan kepada penabur, Sri Paus menunjukkan bahawa ini melambangkan bagaimana Tuhan mengasihi setiap seorang daripada kita. "Kita biasa mengira dan merancang segala-galanya, tetapi cinta tidak berfungsi seperti itu," katanya.

Tuhan "tidak menunggu kita menjadi tanah yang terbaik"

Uskup Roma itu menekankan bahawa Tuhan "menyebarkan benih firman-Nya di setiap jenis tanah—bermaksud, dalam setiap situasi kita.

"Sama ada kita menerimanya dengan semangat, atau ketakutan, Tuhan percaya bahawa pada satu ketika atau masa lain, benih itu akan berbuah.

Tuhan "tidak menunggu kita menjadi tanah yang terbaik sebaliknya, Dia memberikan firman-Nya kepada kita berulang kali, dan firman-Nya adalah Yesus". Media Vatikan

Indonesia buka pusat latihan vokasional untuk migran



BATAM, Indonesia: Caritas Indonesia dan Komisi untuk Pelayanan Pendetang dan Orang Berkelana Keuskupan Pangkalpinang telah memulakan pembinaan pusat latihan vokasional dan pusat maklumat migran di Pusat Perlindungan Migran di St Theresia, Batam.

Uskup Aloysius Sudarso, SCJ, pengerusi Yayasan Pemegang Amanah Caritas Indonesia (Yayasan Karina KWI), telah memimpin upacara pecah tanah pada Mei 18, mengatakan langkah itu adalah satu pencapaian penting dan mendesak dalam melindungi pekerja migran.

Pusat latihan vokasional dan pusat maklumat ini dibina sebagai ungkapan keprihatinan Gereja Katolik terhadap pelbagai isu migran dan menghormati martabat mereka," kata Uskup Sudarso. Katanya lagi, "Seperti yang dikatakan oleh Sri Paus Fransiskus, sesiapa yang bertemu dengan migran adalah bertemu dengan Yesus."

Uskup Sudarso berkata beliau berharap ia akan menjadi "sebuah rumah untuk pekerja migran, di mana setiap pekerja migran, atau sesiapa sahaja, boleh datang dan merasa diterima seperti keluarga." LiCAS News

Sekarang adalah masa untuk dialog dan membina jambatan

VATIKAN: Sehari selepas Misa Pelantikan sebagai Sri Paus, Bapa Suci Leo XIV menyambut delegasi dari Gereja-Gereja bukan Katolik, komuniti Gerejawi dan tradisi kepercayaan lain, mengingatkan komitmen pendahulunya terhadap ekumenisme dan dialog antara agama.

Sri Paus Leo XIV mengadakan audiens khas pada Mei 19, untuk delegasi ekumenikal dan antara agama yang hadir semasa Misa Pelantikan rasmi Kepausannya pada Mei 18.

Dalam ucapannya, Bapa Suci menekankan seruan mendiang Sri Paus Fransiskus tentang persaudaraan sejagat, meneruskan inisiatif-inisiatif Sri Paus sebelumnya, terutamanya Sto Yohanes XXIII.

Dokumen "Fratelli tutti" oleh Sri Paus Fransiskus mempromosikan ekumenikal dan dialog antara agama khususnya memupuk

hubungan interpersonal, tanpa mengurangkan Pelantikan Gerejawi dan sifat kemanusiaan pertemuan itu sentiasa dihargai, kata Sri Paus Leo XIV.

Kesatuan yang sebenar adalah kesatuan dalam iman

Bapa Suci Leo XIV juga menyebut tentang ulang tahun ke-1,700 Konsili Nicea yang menekankan bahawa perpaduan dalam kalangan orang Kristian hanya dapat terjadi dalam iman.

Katanya, untuk mencapai persekutuan penuh dan nyata, merupakan salah satu keutamaan beliau sebagai Uskup Roma.

Pada masa yang sama, beliau mengingatkan tentang hubungan rapat antara ekumenisme dan sinodaliti serta meyakinkan para delegasi tentang komitmennya untuk mengikuti jejak Sri Paus Fransiskus dalam memperjuangkan semangat sinodaliti

Gereja Katolik.

Jalan bersama dalam semangat persaudaraan manusia

Kepada perwakilan agama bukan Kristian, Sri Paus Leo XIV berkata Gereja Katolik dan bukan Katolik sentiasa bekerjasama dan melibatkan semua orang, "dalam semangat persaudaraan manusia."

"Hari ini adalah masa untuk dialog dan membina jambatan," ujar Sri Paus Leo XIV.

Bapa Suci mengimbau kembali usaha Sri Paus Fransiskus dalam dialog antara agama, "Melalui kata-kata dan tindakan beliau, Sri Paus Fransiskus membuka jalan baharu untuk pertemuan, sentiasa mempromosikan 'budaya dialog sebagai jalan dan kerjasama bersama sebagai kod etika dan sikap menghormati dalam apa juga kaedah yang melibatkan kerjasama antara agama.'" Media Vatikan



HARI KOMUNIKASI SOSIAL SEDUNIA KE-59



Bahagikan dengan lemah lembut harapan yang ada di dalam hatimu (1 Pet 3:15-16)

VATIKAN: Mendiang Sri Paus Fransiskus yang meninggal dunia pada Isnin Paskah, April 21, 2025 sempat meninggalkan pesan terakhir Hari Komunikasi Sedunia ke-59.

Pesan itu telah dipersiapkannya pada Januari 24, sempena Peringatan Santo Fransiskus de Sales.

Sri Paus baharu, Bapa Suci Leo XIV, yang rasmi terpilih sebagai pengganti Sri Paus Fransiskus pada Mei 8, 2025, turut memetik pesan Hari Komunikasi Sedunia ke-59 mendiang Fransiskus dalam pertemuan pertamanya dengan para wartawan di Vatikan.

Berikut merupakan pesan mendiang Sri Paus Fransiskus sempena Hari Komunikasi Sedunia yang disambut Jun 1 pada tahun ini:

Pada zaman yang ditandai dengan maklumat dan polarisasi, saya ingin bercakap dengan anda sebagai seseorang yang sangat menyedari pentingnya tugas anda wartawan dan komunikator. Semasa merayakan Jubli tahun ini, saya mahu menjemput anda menjadi "komunikator harapan" dengan memulakan memperbaharui etika dan misi kerja dalam semangat Injil.

Mengapa komunikasi gagal menghasilkan HARAPAN?

Komunikasi terlalu sering menggunakan maklumat palsu, menghantar mesej yang direka untuk menjadi menakutkan, memprovokasi atau menyakitkan. Pada beberapa kesempatan, saya telah bercakap tentang keperluan kita untuk "melucutkan" komunikasi dari elemen keganasan serta agresif. Komunikasi tidak akan pernah membantu jika ia sekadar menjadi slogan.

Kita melihat bagaimana-dari televisyen hingga media sosial – ada kecenderungan kuat untuk menimbulkan konflik, menguasai, memiliki dan manipulasi pendapat umum. Akibatnya, kita menyaksikan kebinasaan asas-asas kita sebagai komuniti, melemahkan keupayaan kita untuk bergabung dalam mengejar kebaikan bersama, enggan mendengar satu sama lain dan tidak memahami perspektif masing-masing.

Apabila kita mengabaikan keperibadian dan martabat orang lain, terikut-ikut merendahkan, berpandangan serong dan mengejek orang lain, kita juga kehilangan kemungkinan untuk memupuk harapan.

Harapan adalah risiko yang mesti diambil. Harapan adalah kebajikan tersembunyi, berdaya tahan dan sabar. Bagi orang Kristian, ia bukan pilihan, tetapi keperluan yang diperlukan.

Mendiang Sri Paus Benediktus XVI dalam ensiklik *Spe Salvi* bahawa "Harapan bukan keyakinan pasif, sebaliknya ia merupakan kebaikan "prestasi" yang dapat mengubah kehidupan kita: "Orang yang mempunyai jangka hayat yang berbeza, orang yang berharap mereka telah diberikan karunia kehidupan baru" (No. 2).

Berbicara tentang Harapan seperti berbual dengan rakan-rakan

Dalam surat pertama Petrus (3: 15-16), ada sintesis yang menakutkan di mana harapan dikaitkan dengan kesaksian dan komunikasi Kristian: "Tetapi kuduskanlah Kristus di dalam hatimu sebagai Tuhan! Dan siap sedia pada segala waktu untuk memberi pertanggungjawaban kepada tiap-tiap orang yang meminta pertanggungjawaban daripada kamu tentang pengharapan yang ada padamu, tetapi haruslah dengan lemah lembut dan hormat menghormati."

Pesan pertama dalam mesej ini ialah: "Kudus Kristus di dalam hatimu sebagai Tuhan". Harapan orang Kristian mempunyai wajah, wajah Tuhan yang bangkit. Janji-Nya untuk sentiasa bersama kita melalui karunia Roh Kudus membolehkan kita berharap semua harapan, dan memahami kebaikan tersembunyi yang datang dengan tenang.

Pesan Kedua: Kita mesti bersedia untuk

menerangkan harapan yang ada dalam diri kita. Orang Kristian bukan sekadar "bercakap tentang" Tuhan, tetapi juga menggemakan keindahan cintanya dan cara baharu untuk mengalami segala-galanya.

Pesan ketiga: Menjawab orang-orang yang 'meminta' atau bertanya dengan lemah lembut serta hormat. Komunikasi Kristian secara amnya harus memasukkan elemen kelembutan dan kedekatan, seperti berbual dengan rakan-rakan di jalan.

Ini adalah kaedah komunikator terbesar sepanjang masa, Yesus dari Nazaret, ketika berjalan dengan dua orang murid ke Emaus, berbicara dengan mereka dan membuat hati mereka menyala ketika Dia mentafsirkan peristiwa-peristiwa dalam cahaya Kitab Suci.

Saya bermimpi komunikasi yang dapat bercakap dengan hati, tidak membangkitkan reaksi defensif dan marah yang terbakar, tetapi sikap terbuka dan mesra.

Komunikasi yang dapat memberi tumpuan kepada keindahan dan harapan walaupun di tengah-tengah situasi yang tidak menyenangkan dan komunikasi menghasilkan komitmen, empati dan perhatian untuk orang lain. Komunikasi yang dapat membantu kita dalam "mengkira martabat setiap manusia dan bekerja bersama untuk menjaga rumah kita bersama" (*Dilexit Nos*, 217).

Komunikasi yang membuka dialog dan kedekatan

Tahun Jubli mempunyai banyak implikasi sosial sebagai contoh, mesej belas kasihan dan harapan bagi mereka yang tinggal di penjara atau memanggil kedekatan dan kelembutan kepada mereka yang menderita dan dipinggirkan.

Jubli mengingatkan kita bahawa mereka yang menjadi pembawa damai "akan dipanggil anak-anak Tuhan" (Mat 5: 9), dan dengan mengarahkan kita kepada keperluan untuk komunikasi yang penuh perhatian, lembut dan reflektif, yang dapat membuka jalan dialog.

Adalah baik untuk mencari benih harapan sedemikian dan menyebarkannya. Ia membantu dunia kita untuk menjadi pendengar kepada jeritan orang miskin dan tidak lagi bersikap acuh tak acuh.

Semoga anda sentiasa mencari kebaikan

yang memberi inspirasi kepada kami untuk berharap. Komunikasi semacam ini dapat membantu membina persekutuan, membuat kita tidak merasa sendirian, dan mencari kepentingan berjalan bersama.

Berkomunikasilah tanpa keganasan dan agresif

Saudara-saudari yang dikasihi, dalam menghadapi pencapaian teknologi yang luar biasa, saya menggalakkan anda untuk menjaga hati anda, kehidupan dalaman anda.

Apa maksudnya? Izinkan saya memberikan beberapa renungan. Jadilah lembut dan jangan lupa wajah orang lain; Bercakap dengan wanita dan lelaki yang anda temui dalam menjalankan kerja anda. Sentiasa menyebarkan harapan, walaupun sukar, walaupun mahal, walaupun ia tidak menghasilkan hasil.

Cuba untuk mempromosikan komunikasi yang dapat menyembuhkan luka kemanusiaan kita. Berikan ruang untuk sepenuh hati bahawa, seperti bunga yang tipis tetapi kuat, tidak menyerah pada kerosakan kehidupan, tetapi mekar dan tumbuh di tempat yang paling tidak dijangka.

Harapan itu ada untuk ibu-ibu yang berdoa agar anak-anak mereka akan kembali dari medan perang setiap hari, dan berharap bagi bapa yang mempunyai risiko yang besar untuk mencari masa depan yang lebih baik.

Harapan itu juga ada bagi anak-anak yang mungkin bermain, tertawa dan percaya pada kehidupan meskipun di tengah-tengah bahang peperangan dan di jalan-jalan yang miskin.

Jadilah saksi dan promotor komunikasi yang tidak agresif; bantu sebarkan budaya kepedulian, bangunkan jambatan dan hancurkan hambatan yang terlihat pada masa kini. Ceritakan kisah-kisah yang penuh harapan, pedulilah terhadap takdir kita bersama, dan berusaha untuk menulis bersama sejarah masa depan kita. Semua ini dapat anda lakukan dan kita dapat lakukan, dengan rahmat Tuhan, yang dibantu oleh Jubli agar kita terima dengan berlimpah.

Sri Paus Fransiskus,
Roma, Santo Yohanes Lateran,
Januari 24, 2025,
Peringatan Santo Fransiskus de Sales



Diplomat kanan baharu di Malaysia dan Timor-Leste

KUALA LUMPUR: Nunsiatir Apostolik di Malaysia dan Timor-Leste mengalu-alukan seorang diplomat kanan yang baharu. Monsignor Marcel Šmejkal (gambar) telah dilantik sebagai Penasihat kepada Nunsius Apostolik di Malaysia, juga berkhidmat sebagai *Chargé d'Affaires ad interim* di Timor Leste.

Beliau secara rasmi memulakan tugasnya pada Mei 1, 2025, sebaik tiba di Dili, Timor Leste. Msgr Šmejkal menggantikan

Msgr Marco Sprizzi, yang menamatkan misinya pada Mac 8 untuk menjawat peranan baharunya sebagai Presiden Pejabat Buruh Takhta Apostolik di Kota Vatikan.

Msgr Šmejkal dilahirkan pada Disember 28, 1968, di Domažlice, Republik Czech. Beliau mempunyai pengalaman dalam tugas-tugas Gerejawi dan diplomatik selama lebih dua dekad.

Beliau memegang ijazah lanjutan dalam falsafah, teologi, dan undang-undang kanonik,

setelah belajar di institusi-institusi terkemuka seperti Universiti Lateran Kapausan dan Universiti Kapausan Sto Thomas Aquinas di Roma. Beliau juga telah menyelesaikan latihan diplomatik di Akademi Eklesiastik Pontifikal antara tahun 1999 dan 2003.

Ditahbiskan sebagai paderi pada tahun 1997, Msgr Šmejkal telah berkhidmat dalam pelbagai kapasiti diplomatik untuk Takhta Suci. Tugasannya termasuk penempatan di Georgia, Armenia, Azerbaijan,

Brazil, Greece, dan baru-baru ini di Perancis, ketika beliau berkhidmat sebagai Penasihat Pertama di Nunsiatir Apostolik.

Fasih dalam bahasa Itali, Inggeris, Perancis dan Sepanyol, Msgr Šmejkal bijak dan berpengalaman dalam menavigasi persekitaran pelbagai budaya dan bahasa di Asia Tenggara.

Kedatangannya menandakan kesinambungan dan kepimpinan berpengalaman dalam hubungan diplomatik Vatikan di rantau ini.



Majlis Pastoral Paroki St Mark kunjungi komuniti migran

SANDAKAN: Lebih 30 orang ahli Majlis Pastoral paroki St Mark (MPSM) bersama Charis paroki St Mark bersama Fr Simon J. Kontou telah melawat komuniti migran, khususnya umat Katolik yang menetap di Perkampungan Tator, Batu Lapan, Sandakan.

Sesi lawatan itu diisi dengan acara pujian dan penyembahan diikuti pembacaan Injil dan renungan oleh Fr Simon J. Kontou.

Seramai 40 orang kanak-kanak menerima agihan 'goodies' manakala keluarga yang memerlukan diberikan sumbangan berupa barangan harian dapur dan pakaian.

Hasil daripada lawatan ini, satu kesedaran besar telah dicapai –



kewujudan umat Katolik migran yang selama ini terabai, kini mendapat perhatian dan sokongan dari Gereja.

Dengan semangat kebersamaan dan kepedulian, program ini telah menjadi satu tanda harapan dan kebangkitan rohani bagi umat Katolik migran di Perkampungan Tator.



Mencurah kasih di tempat yang tiada kasih

KUCHING : Komuniti *Secular Order of Discalced Carmelites (OCDS) Christ The King (CTK)* merayakan ulang tahun ke-25 mereka dengan melakukan Ziarah Jubli dan pelbagai pengisian rohani, baru-baru ini.

Seramai 35 ahli dan bukan ahli mengambil bahagian dalam aktiviti rohani selama sehari itu.

Dimulakan dengan Ibadat Harian di Kapel Karmel, komuniti itu kemudiannya merayakan Misa yang dipimpin Fr Ramon Borja, SDB, Penasihat Rohani komuniti OCDS

CTK.

Selepas Misa, ahli-ahli OCDS CTK memperbaharui janji dan menegaskan semula komitmen mereka kepada semangat dan cara hidup OCDS.

Selepas itu, Fr Ramon menyampaikan katekesis yang memberi inspirasi dan pertumbuhan rohani yang lebih mendalam.

Sambutan ini juga memberi peluang kepada para ahli untuk melakukan Sakramen Pengakuan Dosa.

Kemudian, para ahli OCDS berziarah ke Gereja St Peter di

Padungan, dan di sana, mereka berdoa rosari.

Ziarah berkenaan diakhiri dengan doa penutup yang dipimpin oleh Fr Ramon. Hari tersebut disempurnakan dengan jamuan makan tengah hari.

Sambutan Ulang Tahun yang diisi dengan Misa Kudus dan Ziarah Jubli itu telah mengingatkan para ahli OCDS akan kata-kata Sto Yohanes dari Salib, "Di mana tiada kasih, curahkanlah kasih, dan engkau akan menuai kasih." **Today's Catholic**

10 umat awam sertai OFS di Telipok

TELIPOK: Suasana penuh kesyukuran menyelubungi Gereja *Holy Family* Telipok apabila upacara *admission* dan *profession* bagi Ordo Fransiskan Sekular (OFS) Holy Family Telipok dijalankan dalam Misa Kudus pada Mei 17 lalu.

Misa tersebut dipimpin Friar Cruzander Alex OFM, dan dihadiri oleh ahli keluarga Fransiskan dari pelbagai fraterniti.

Seramai sepuluh orang calon telah diterima masuk secara rasmi ke dalam Ordo Fransiskan Sekular melalui upacara *admission*.

Mereka ialah Constantine Alexis Yanjom, Catherine Joseph Lojikim, Cynthia Santos, Ellyen Lomiah Kohis, Fezzer Vio Frander, Lorrena Lijury Ikun, Lydia Laila Ikun, Sharon Lazola, Vivyanne Joanne Joanis dan Vyne Caesar Joanis.

Penyertaan mereka menandakan komitmen awal untuk menjalani kehidupan berdasarkan semangat Santo Fransiskus dari Assisi.

Dalam upacara *profession*, Olivia



Genivie Felix telah melafazkan ikrar komitmennya secara rasmi, menandakan kesediaannya untuk terus setia hidup sebagai seorang Fransiskan Sekular sepenuh hati dan jiwa.

Upacara ini turut disaksikan oleh Menteri Nasional OFS, Marina Anjuman; Formator Nasional, Petronella Munting; dan

Setiausaha Nasional, Karen Diwol.

Hadir sama ialah anggota keluarga Fransiskan dari fraterniti Katedral Hati Kudus Kota Kinabalu, St Joseph Pagar, serta Mother Fraternity St Joseph Kiulu.

Kehadiran *Mother General* Sr Fransiska Wong dan mantan *Mother General* FSIC Sr Frances Manih bersama para suster

Franciscan Sisters of the Immaculate Conception (FSIC) turut menyerikan suasana rohani dan kekeluargaan pada hari bersejarah ini.

Dalam homilinya, Friar Cruzander menyeru para anggota Fransiskan Sekular agar terus menghayati Injil Tuhan dalam kehidupan harian. Beliau menekankan pentingnya ketekunan dalam doa apatah lagi ketika berhadapan dengan pelbagai cabaran dan rintangan.

Kesetiaan kepada Kristus menjadi sumber kekuatan dalam kehidupan Fransiskan, ujaninya.

Selesai Misa Kudus dan upacara rasmi, para hadirin berkumpul dalam jamuan kasih sebagai simbol kesyukuran dan persaudaraan Fransiskan.

Upacara ini menjadi bukti nyata akan pertumbuhan dan kesuburan Ordo Fransiskan Sekular di Sabah, khususnya dalam membina komuniti yang berakar dalam Injil dan kasih setia Tuhan. *Linda Apolonius*